

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN PAMERAN KARYANEKA KAWASAN KUBANG PASU  
Lokasi : DEWAN SEKOLAH KEBANGSAAN JITRA, KEDAH  
Tarikh : 24-12-1983

Dif-Dif Kehormat; Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Jawatankuasa Pameran ini atas kesudiannya menjemput saya merasmikan Pameran Karyaneka bagi kawasan Kubang Pasu ini.

2. Sungguhpun pameran barang-barang kraftangan telah selalu diadakan oleh berbagai persatuan dan juga sekolah-sekolah di seluruh negara, tetapi pameran ini mempunyai konsep dan matlamat baru, sesuai dengan konsep dan matlamat Projek Karyaneka yang telah ditetapkan kira-kira setahun yang lalu. Hasil kraftangan dan lain-lain barang yang diusahakan di bawah Projek Karyaneka ini, tidak lagi merupakan hasil usaha sambil-sambilan, yang dibuat semata-mata untuk memenuhi waktu lapang, dan yang dibuat mengikut sedap dan rasa hati masing-masing saja. Usaha Karyaneka ini sudah mula berkembang menjadi satu usaha perniagaan yang besar dan penting.

3. Sungguhpun tujuan projek ini adalah untuk membuka peluang pekerjaan, bagi penduduk luar bandar menambahkan pendapatan, iaitu pada asasnya sama juga dengan tujuan usaha kraftangan sambil-sambilan yang dibuat pada masa lalu, akan tetapi konsep penambahan pendapatan yang dimaksudkan pada masa sekarang ini, ialah penambahan pendapatan yang diperolehi secara tetap dan dengan jumlah yang boleh benar-benar membantu meningkatkan taraf hidup keluarga.

Oleh kerana itu, Pameran Karyaneka ini bukanlah suatu pameran untuk kita melihat kecantikan dan merasakan kepuasan seni, tetapi adalah suatu pameran perniagaan. Pameran ini diharapkan dapat memperhebatkan usaha Karyaneka dari segi pembuatan dan pengeluaran barang-barang, dari segi peningkatan mutu, dari segi mereka-cipta jenis-jenis dan bentuk-bentuk yang baru, dan juga dari segi promosi atau penggalakan pemasaran. Jadi, pameran ini bukanlah suatu 'show' atau suatu pertunjukan untuk kita datang melihat-lihat dan bersuka-sukaan, menghiburkan hati atau untuk menyambut Dif-Dif Kehormat. Saya suka mengulangi sekali lagi, pameran ini adalah satu kegiatan usaha perdagangan. Saya berharap, setidak-tidaknya pameran ini akan mendedahkan kepada orang ramai, tentang jenis-jenis barang yang boleh dibuat dan boleh dipasarkan secara perniagaan yang moden.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Pada kesempatan yang baik ini, sukacita saya mengumumkan, bahawa pengeluaran dan pemasaran barang-barang di bawah Projek Karyaneka ini telah mencapai kemajuan yang sangat pesat dan sangat menggalakkan. Jenis barang yang dikeluarkan semakin bertambah, dengan mutu dan hasil reka-cipta yang semakin baik. Hasil jualan yang dibuat menerusi Syarikat Pemasaran Karyaneka Sendirian Berhad sepanjang tahun 1983 - dari bulan Januari hingga pertengahan bulan Disember - telah mencapai lebih setengah juta, iaitu sebanyak \$562,857.00. Jualan paling tinggi adalah pada bulan November yang lalu, iaitu sebanyak \$93,417.00. Gerai yang paling laku ialah gerai Negeri Perak, diikuti oleh gerai Negeri Johor dan Negeri Sembilan. Gerai Negeri Kedah jatuh nombor lapan. Ini bermakna, Karyaneka Kedah perlulah berusaha dengan lebih giat, supaya pada tahun 1984, gerai Kedah akan mencapai rekod yang

lebih baik.

5. Tuan-tuan dan puan-puan tentu sedia maklum, dunia perniagaan adalah suatu dunia yang penuh dengan persaingan -- persaingan untuk mendapat pasaran yang lebih luas dan hasil jualan yang lebih menguntungkan. Maka dalam persaingan ini, keperluan dan keinginan para pengguna atau pembeli, merupakan salah satu faktor utama yang akan menentukan kejayaan atau kegagalan sesuatu perniagaan. Oleh yang demikian, ada tiga perkara penting yang sentiasa mesti diberikan perhatian yang serius oleh semua pihak yang terlibat dalam Karyaneka. Pertama, hal-hal yang bersangkutan dengan pengeluaran. Kedua, mutu barang-barang yang dikeluarkan; dan yang ketiga, kerja-kerja promosi dan pemasaran.

6. Pengeluaran barang-barang mestilah dibuat secara tetap, kerana barang-barang mesti sentiasa ada dalam pasaran. Jumlah bagi tiap-tiap jenis barang yang dikeluarkan mestilah cukup banyak, supaya boleh dipasarkan dengan seluas-luasnya dan sentiasa saja boleh dibeli oleh pengguna. Di gerai Karyaneka di Kuala Lumpur umpamanya, barang-barang tenunan yang telah meningkat jualannya telah merosot sedikit sekarang ini, disebabkan oleh permintaan para pembeli tidak dapat dipenuhi, kerana kehabisan stok. Begitu juga hasil barang-barang awetan yang sekarang paling laris, seperti kerepek pisang, pisang salai, keropok, kueh kering, acar dan kuah rojak, selalu saja kehabisan stok.

7. Mutu setiap barang yang dikeluarkan mestilah sentiasa dikawal dengan rapi. Bahan-bahan yang digunakan, bentuk rupa, saiz, kecantikan dan ketahanan barang-barang yang dikeluarkan mestilah sentiasa dijaga dengan teliti. Semua pembeli berkehendakkan barang-barang yang kemas, yang cantik dan yang tahan dipakai.

8. Pengeluaran yang banyak dan teratur, serta mutu barang-barang yang baik, belum dapat menjamin kejayaan perniagaan kiranya sistem dan cara pemasaran tidak betul. Oleh itu sistem dan cara pemasaran juga amat perlu diperkemas dan diperbaiki dari semasa ke semasa. Dalam Projek Karyaneka ini, satu badan khusus iaitu Syarikat Pemasaran Karyaneka Sendirian Berhad telah ditubuhkan dan sudahpun menjalankan usaha bagi memasarkan barang-barang keluaran Karyaneka dari seluruh negara. Usaha pemasaran bukan sahaja dilakukan di dalam negeri, tetapi juga sampai ke luar negeri. Sungguhpun pemasaran telah diberikan tugas kepada satu syarikat yang khusus, akan tetapi pihak-pihak yang mereka-cipta dan mengeluarkan barang-barang perlu juga sentiasa menimbang aspek pemasaran ini, terutamanya dari segi kos atau belanja pengeluaran dan harga jualan. Para pembeli sungguhpun inginkan barang-barang yang baik dan bermutu, tetapi mereka juga inginkan barang-barang yang murah. Oleh itu harga yang ditetapkan mestilah sesuai dan berpatutan. Lebih-lebih lagi bagi barang-barang seperti bunga tiruan, yang kita terpaksa menghadapi persaingan hebat dengan berbagai macam bunga tiruan yang dibawa masuk dari luar negeri. Begitu juga dengan barang-barang jenis lain, kerana para pembeli dari luar negeri sentiasa saja membanding-bandingkan harga barang-barang itu dengan barang-barang yang hampir-hampir sama atau yang sejenis dengannya, yang dipasarkan di negeri-negeri lain. Oleh yang demikian, dalam pembuatan dan pengeluaran apa juga barang, aspek kos atau belanja pengeluaran perlulah diambil-kira dengan teliti, supaya barang-barang yang sudah siap, dapat dijual dengan harga yang berpatutan dan juga boleh mendatangkan untung yang berpatutan.

Para hadirin yang saya hormati,

9. Sebenarnya kita adalah satu bangsa bertuah yang hidup di sebuah negara yang bertuah pula. Di

negara kita ini dikurniakan Allah Subhanahu Wataala bermacam-macam jenis bahan yang boleh digunakan untuk membuat bermacam jenis perhiasan dan alat kelengkapan bagi keperluan hidup sehari-hari. Kita juga mempunyai cukup banyak tenaga manusia yang mampu dan boleh berusaha. Di samping itu nenek-moyang kita telah mewariskan pula seni kraftangan yang tinggi mutunya. Bangsa kita mempunyai ilmu dan teknik dalam bidang tenun-menenun, ukir-mengukir dan sulam-menyulam. Bangsa kita juga pandai bertukang emas, perak dan tembaga; pandai membuat barang-barang daripada pandan, mengkuang dan tanah. Semua ini adalah warisan kepandaian dan kebolehan seni yang amat berguna kepada kehidupan manusia sekarang dan akan datang.

10. Oleh itu kedua-dua jenis kekayaan ini -- iaitu kekayaan bahan dan seni kraftangan yang tinggi -- perlulah kita pergunakan dan perembangkan dengan sepenuhnya. Yang penting, kita perlu menggunakan kaedah dan teknik kerja yang sesuai dengan keadaan dan tuntutan zaman. Kita perlulah bekerja menurut perancangan dan pengawasan yang rapi dan moden. Dalam kerja-kerja tertentu, mungkin kita terpaksa menggunakan alat-alat atau jentera-jentera yang baru. Mutu barang dan disiplin kerja mestilah diutamakan. Cara kita mengembangkan ilmu dan seni kraftangan inipun, perlulah mengikut kaedah dan cara latihan yang moden.

11. Saya penuh yakin, jika perkara-perkara ini dapat dilaksanakan oleh semua pihak yang terlibat, disertai pula dengan kejujuran dan ketekunan, insya-Allah Karyaneka akan berkembang menjadi salah satu usaha baru yang dapat membantu pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, khususnya dari segi membantu usaha membasmi kemiskinan di kawasan luar bandar.

12. Maka dengan harapan itu, dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, saya dengan sukacitanya, merasmikan pembukaan Pameran Karyaneka Kawasan Kubang Pasu ini.

Terima kasih.